

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS  
PADA HARI ISNIN, 20 MAC 2023, JAM 9.30 PAGI**

**SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT**

- 1. DOA.**
- 2. PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
- 3. SOALAN LISAN**

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)  
SOALAN 1 (A51)**

Pasca Pandemik memberi impak yang sangat besar kepada rakyat Johor khususnya aspek emosi individu yang menghadapi tekanan hidup lantas menjejaskan kewarasan fikiran. Justeru, apakah usaha Jabatan Kesihatan Negeri Johor dalam menangani masalah jiwa kalangan rakyat Johor yang terjejas?

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)  
SOALAN 2 (A100)**

Ramai masyarakat hilang pekerjaan sewaktu pandemik COVID-19 menjadi penjaja makanan dan sebagainya. Isu penjaja berniaga ditempat tidak sesuai dan tidak dilesenkan menjadi gangguan hasil mata pencarian. Apakah rancangan untuk mengatasi isu ini supaya mereka ditempat secara berpusat yang lebih baik dan teratur?

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)  
SOALAN 3 (A144)**

Apakah perancangan kerajaan untuk memperkasa atlet OKU negeri Johor dan adakah terdapat program-program khusus yang dirangka untuk golongan ini?

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**  
**SOALAN 4 (A150)**

Mohon pihak JKM menambah elaun tenaga pengajar PKPDK supaya tidak lagi sebanyak RM1,200.00 memandangkan gaji minimum pada ketika ini adalah sebanyak RM1,500.00.

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**  
**SOALAN 5 (A153)**

Bilakah kali terakhir elaun guru Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) disemak dan adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar elaun tersebut selaras perkembangan ekonomi semasa?

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**  
**SOALAN 6 (A84)**

Apa status terkini tentang perancangan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Senai?

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**  
**SOALAN 7 (A66)**

Apakah rancangan pembangunan dan strategi pemasaran bagi menjadikan Gunung Ledang sebagai destinasi utama pelancongan Johor.

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**  
**SOALAN 8 (A172)**

Johor mempunyai banyak kawasan-kawasan perindustrian yang diwujudkan bagi mendokong sektor-sektor perkilangan ini. Apakah inisiatif daripada Kerajaan Negeri Johor untuk memastikan kawasan-kawasan perindustrian ini dapat dioptimumkan sepenuhnya bagi memastikan manfaat yang besar kepada penduduk.

**YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)**  
**SOALAN 9 (A72)**

Jalan antara bandar Labis ke Perumahan Awam Jalan Muar Labis adalah merupakan kawasan yang sering berlaku kemalangan maut akibat binatang peliharaan dan binatang liar. Mohon kerajaan negeri untuk memasang lampu jalan di kawasan tersebut.

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**  
**SOALAN 10 (A203)**

Minta dinyatakan usaha kerajaan dalam membantu usahawan di bidang pertanian dan penternakan yang terkesan akibat perubahan iklim dan bencana banjir.

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**  
**SOALAN 11 (A195)**

Ramai guru Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor (SAKNJ) telah berhijrah ke Kementerian Pelajaran Malaysia. Mohon agar pihak Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dapat mengisi kekosongan tersebut dengan kadar yang segera.

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**  
**SOALAN 12 (A4)**

Bilakah kerajaan negeri akan melantik 200 kekosongan guru agama gred DG29 dan bilakah kerajaan akan membuat perubahan dan rasionalisasi jawatan guru KAFA kepada jawatan kontrak S29 dan S19 setelah lebih 40 tahun mereka hanya dibayar gaji secara elaun sahaja?

**YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)**  
**SOALAN 13 (A109)**

Status pemilikan Rumah Mampu Milik Bangsa Johor. Apakah telah dibuat penambahbaikan dalam proses permohonan berkaitan penukaran nama bagi status tanah dibawah Pejabat Tanah Negeri dari segi tempoh masa. Hal ini kerana, proses yang sedia ada mengambil masa yang terlalu lama.

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**  
**SOALAN 14 (A160)**

Nyatakan rancangan pemulihan laluan penerbangan antarabangsa dan laluan penerbangan baru.

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)**  
**SOALAN 15 (A97)**

Klinik Kesihatan Gelang Patah telah menghadapi kesesakan. Kualiti perkhidmatannya perlu dipertingkatkan dan dinaiktaraf seiring dengan penambahan penduduknya. Sekiranya terdapat lokasi sesuai dan cukup keluasannya, bolehkah sebuah pusat kesihatan lebih besar dibina di Gelang Patah bagi menggantikan bangunan klinik sedia ada?

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**  
**SOALAN 16 (A87)**

Dengan penutupan rangkaian 3G, terdapat pengguna di kawasan luar bandar seperti di Mersing menghadapi masalah sama ada internet dengan rangkaian 4G yang lemah, atau tiada internet langsung. Apa penyelesaian bagi mengatasi masalah ini?

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)**  
**SOALAN 17 (A221)**

Bilakah rancangan projek saluran paip-paip baru yang telah diperuntukkan kepada BAKAJ akan siap sepenuhnya di FELDA Redong?

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**  
**SOALAN 18 (A102)**

Masalah kebersihan di kawasan perniagaan, kedai dan kilang yang berlarutan sekian lama susah ditangani. Apakah perancangan kerajaan dalam meneruskan usaha meningkatkan kebersihan di kawasan perniagaan, kedai dan kilang khususnya melalui penguatkuasaan undang-undang selaras dengan agenda Johor Bersih?

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**  
**SOALAN 19 (A43)**

Apakah inisiatif kerajaan Johor dalam membantu petani kecil nanas untuk memasarkan hasil tanaman mereka?

**YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)**  
**SOALAN 20 (A176)**

Dengan peruntukan RM80 juta termasuk kursus sukan dan pendidikan kepada anak muda untuk melahirkan pemimpin anak muda yang karakternya dalam acuan cara Johor. Apakah rupa bentuk hasilnya kepada anak muda Johor yang mungkin berbeza dari anak muda negeri lain?

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**  
**SOALAN 21 (A47)**

Apakah usaha yang sedang dan akan diambil untuk mempromosi dan menarik pelabur ke kawasan Perindustrian Batu 15, Tangkak?

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)**  
**SOALAN 22 (A122)**

Guru Agama Johor berperanan penting mendidik anak bangsa, sedia berkorban tenaga dan masa mengajar Darjah Khas dengan elaun RM240.00 sebulan. Berbeza elaun guru takmir sebanyak RM800.00 sebulan. Adakah kerajaan sedia menimbangkan kenaikan elaun bagi menghargai jasa dan pengorbanan mereka?

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**  
**SOALAN 23 (A151)**

Mohon pihak JKM mengkaji semula syarat pendapatan isi rumah bagi permohonan bantuan kebajikan masyarakat memandangkan sebahagian daripada mereka tidak memberi sumbangan kepada pemohon kerana

pendapatan mereka sendiri tidak mencukupi untuk menanggung kos sara hidup mereka sendiri.

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**

**SOALAN 24 (A212)**

Adakah Kerajaan Negeri Johor berhasrat untuk mengkaji syarat kelayakan bantuan JKM Negeri Johor mengikut piawaian gaji minimum dan kos sara hidup di negeri Johor?

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**

**SOALAN 25 (A10)**

Bolehkah YB menyatakan kepada Endau, berapakah status kemajuan terkini pembinaan terminal bas di Bandar Endau?

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)**

**SOALAN 26 (A178)**

Adakah kerajaan negeri bercadang agar golongan B40 yang telah lama menyewa rumah rakyat ditawarkan untuk memiliki rumah tersebut secara sewa beli sebagai contoh penyewa di Taman Bersatu Kluang?

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**

**SOALAN 27 (A8)**

Bilakah kerajaan negeri bercadang untuk memulakan projek tebatan banjir dan pelebaran sungai utama dalam daerah Segamat dan kenapakah ia tidak disenaraikan antara keutamaan negeri Johor semasa pembentangan belanjawan 2023 dibawah peruntukan kerajaan persekutuan baru-baru ini?

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**

**SOALAN 28 (A24)**

Banjir telah berlaku sebanyak 3 kali di kawasan Gemereh antara bulan November 2022 hingga Jan 2023, Jementah. Apakah aplikasi yang dirancang bagi mengatasi masalah banjir yang kerap berlaku?

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)**

**SOALAN 29 (A123)**

Pembangunan sahsiah insan melalui latihan dan motivasi amat perlu bagi melahirkan generasi muda yang berketrampilan, mempunyai semangat jatidiri dan berkeyakinan. Bagi merealisasikannya mohon diwujudkan Fasiliti Kemudahan Latihan seperti Kem Bina Semangat bagi kemudahan belia dan pelajar khususnya di Bukit Nanning.

**YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN (KAHANG)**  
**SOALAN 30 (A194)**

Masyarakat luar bandar berdepan dengan masalah kekurangan lampu jalan. Bagaimana kerajaan negeri menangani masalah ini?

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)**  
**SOALAN 31 (A223)**

DUN Kemelah terdapat banyak penduduk pedalaman yang sukar menerima rawatan secara segera, apakah ada inisiatif seperti "Doktor Turun Kampung" untuk merawat pesakit terlantar yang tiada kenderaan ke hospital?

**YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)**  
**SOALAN 32 (A16)**

Apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk melahirkan lebih ramai Qari dan Qariah berkualiti dalam kalangan anak muda selain program sedia ada yang dilaksanakan di Sekolah Agama Rakyat (SAR).

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)**  
**SOALAN 33 (A142)**

Apakah usaha-usaha kerajaan untuk mempromosi PEDI dan menggalakkan rakyat memanfaatkan sepenuhnya kegunaan PEDI terutama dalam bidang berkaitan keusahawanan digital?

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**  
**SOALAN 34 (A108)**

Apakah perancangan kerajaan untuk membantu kawasan eko-pelancongan yang diuruskan oleh Koperasi-koperasi di dalam daerah Johor Bahru agar mereka dapat terus bersaing untuk menjana ekonomi setempat? Adakah kerajaan sudah mengenali kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan eko-pelancongan yang baru?

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**  
**SOALAN 35 (A67)**

Apakan status pembinaan Taman Perindustrian Gambir?

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**  
**SOALAN 36 (A157)**

Mohon dibina sebuah tempat/venue sukan seperti stadium mini yang dilengkapi fasiliti sukan awam dan padang bola sepak bagi kemudahan aktiviti sukan belia di kawasan Pekan Nanas.

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**  
**SOALAN 37 (A125)**

Nyatakan rancangan untuk mengatasi masalah kesesakan jalan raya di sekitar DUN Perling, terutamanya di kawasan Bukit Indah dan Taman Perling.

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**  
**SOALAN 38 (A149)**

Mohon pihak JPS memberikan peruntukan tambahan sebanyak RM500,000 bagi kerja-kerja pembersihan parit dan memperbaiki tebing parit yang kritikal di dalam DUN Senggarang.

**YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)**  
**SOALAN 39 (A17)**

Apakah tindakan kerajaan negeri bagi mengatasi masalah rumah PPRT yang terbiar tidak didiami. Saya difahamkan bukan waris tidak dibenarkan menduduki rumah berkenaan.

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)**  
**SOALAN 40 (A224)**

Adakah Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai peruntukan khas untuk mangsa banjir bagi tempat-tempat yang sinonim menerima taburan hujan lebat hingga terjadinya banjir dalam tempoh yang lama?

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**  
**SOALAN 41 (A92)**

Melihat betapa pentingnya pendidikan dan kemahiran, Sedili mencadangkan agar penyerapan dan pendaftaran terus pendidikan kemahiran kepada pelajar tercicir dibawah inisiatif pendidikan negeri Johor dimana-mana pusat pendidikan kemahiran seperti YPJ, ILP, IKBN, GIATMARA dan lain-lain selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**  
**SOALAN 42 (A159)**

Jelaskan rancangan dan status proses pengkorporatan (corporatisation) Tourism Johor.

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)**  
**SOALAN 43 (A133)**

Berapakah peruntukan yang akan diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk menambahbaik rumah ibadah bukan Islam di Johor?

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**  
**SOALAN 44 (A11)**

Bolehkah Yang Berhormat jelaskan apakah status terkini bantuan yang dihulurkan oleh pihak kerajaan dalam menyelesaikan masalah bagi Projek Taman Nelayan yang masih lagi terbengkalai manakala pembelinya sudah bertahun membayar ansuran pinjaman perumahan?

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)**  
**SOALAN 45 (A135)**

Mohon nyatakan usaha untuk menambahbaik sistem penyelenggaraan fasiliti awam seperti lampu jalan yang tidak berfungsi dan jalan berlubang.

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**  
**SOALAN 46 (A148)**

Kita telah mendengar pembentangan semula belanjawan persekutuan 2023 yang dibentangkan YAB Perdana Menteri baru-baru ini. Dengarnya banyak berita gembira untuk Johor. Mohon YAB Menteri Besar kongsi bersama Dewan tentang inisiatif khusus untuk negeri Johor.

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)**  
**SOALAN 47 (A182)**

Mengapa ada kawasan DUN yang mengalami banjir tetapi tidak menerima peruntukan khas banjir, adakah ia disebabkan status ADUN Pembangkang atau terdapat kriteria khas untuk mendapat peruntukan Khas ini?

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**  
**SOALAN 48 (A207)**

Bilakah Kerajaan Negeri Johor akan ratifikasikan akta anti lompat parti dalam perlembagaan negeri seperti Pulau Pinang?

**YB DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB (SIMPANG JERAM)**  
**SOALAN 49 (A31)**

Adakah terdapat usaha untuk mereformasikan Dewan Negeri Johor dengan menayangkan perbahasan secara siaran langsung di laman web rasmi bagi rakyat mengikuti perbahasan.

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**  
**SOALAN 50 (A45)**

Sila nyatakan status terkini projek pembinaan Pusat Pentadbiran baru Daerah Tangkak yang terletak di Batu 15 Bandar Tangkak.

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**  
**SOALAN 51 (A53)**

Tahun 2023 merupakan tahun-tahun yang dikatakan sebagai The Great Recession global dengan peningkatan kadar inflasi dan peningkatan kadar faedah bank. Justeru apakah tindakan kontigensi yang pihak kerajaan rangka dalam memastikan ekonomi negeri tidak terjejas dengan impak ribut ekonomi ini?

**4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.**

-----  
-----  
----- ( PERBAHASAN ) -----  
-----  
-----

**Persidangan ditangguhkan sehingga hari Selasa, 21 Mac 2023, jam 9.30 pagi.**